

ULASAN BUKU/BOOK REVIEW

Membangun Metodologi Penyelidikan Peribumi

Masyarakat Penan dan Impian Pembangunan: Satu Himpunan Naratif Keterpinggiran dan Jatidiri oleh Zawawi Ibrahim dan NoorShah M.S. (peny.). Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development (SIRD) Centre, 2012, 187 halaman.

Buku yang mengandungi koleksi naratif keterpinggiran kaum Penan di Sarawak ini ditulis menurut kaca mata dan suara masyarakat Penan sendiri. Buku ini diawali dengan sebuah bab pendahuluan oleh editor, Zawawi Ibrahim dan NoorShah dan disusuli sebelas buah bab lain oleh penulis kaum Penan sendiri. Kaum Penan merupakan salah satu kaum peribumi Sarawak masih tinggal di pedalaman dan hutan belantara serta hidup secara berpindah randah, dan amat sehati dengan alam. Namun kehidupan mereka semenjak beberapa dekad ini, khususnya semenjak "politik pembangunan" dilaksanakan oleh kerajaan negeri Sarawak, telah berdepan dengan apa yang dikatakan "arus pembangunan" menyebabkan mereka begitu resah, bimbang dan kritis terhadap gerak kuasa yang diterajui kuasa pasaran dengan kolusi pemerintah ini. Buku ini menggambarkan kekusaran dan kebimbangan itu dalam pelbagai bab di dalamnya.

Dari sudut penyelidikan dalam dunia ilmu hari ini, buku ini membangkitkan beberapa persoalan pokok dari segi epistemologi, teori dan metodologi yang menentukan hala tuju penyelidikan peribumi hari ini. Antaranya ialah persoalan bagaimanakah ahli antropologi harus mengkaji kaum peribumi seperti Penan supaya kajian itu dapat menyingkapkan realiti kehidupan dan pandangan sebenar mereka? Kekuatan buku ini ialah ia dapat memberikan jawapan yang jitu terhadap persoalan ini. Zawawi dan NoorShah merujuk kepada buku *Decolonizing Methodologies: Research and Indigenous Peoples* oleh Linda Tuhiwal Smith, seorang pelopor agenda projek penyelidikan peribumi berbangsa Maori sebagai titik tolak mereka. Dalam bukunya, Smith berusaha membangunkan satu metodologi peribumi dalam penyelidikan dan menyatakan bahawa penyelidikan yang dilakukan selama ini menyumbang kepada produksi ilmu Barat, dari segi sifat pengkaryaan ilmiah serta dalam menghasilkan teori yang *dehumanize* kaum Maori. Pendekatan sedemikian, menurut Smith, mengistimewakan cara membangunkan ilmu oleh Barat serta menafikan kesahan cara peribumi Maori membangunkan ilmu, bahasa dan budaya mereka (Smith, 1999: 183).

Dalam semangat Linda Tuhiwal Smith, buku suntingan Zawawi dan NoorShah mengkritik pendekatan antropologi tradisional yang menjadikan kaum peribumi sebagai objek, sebagai *the Other*, yakni sebagai pihak lain. Sebaliknya, buku ini menjadikan kaum peribumi Penan sebagai subjek, yang turut bersama-sama ahli antropologi menjadi penyelidik dan penulis, menuangkan pengalaman

dan pandangan kaum mereka mengenai kehidupan, pembangunan dan alam sekitar ke dalam pelbagai bab buku ini. Menurut Zawawi dan NoorShah, inilah etnografi pascamoden di mana suara peribumi yang dahulunya merupakan *the Other* kini muncul sebagai subjek dengan suara mereka sendiri. Cara buku ini menjungkirbalikkan metodologi antropologi tradisional dan membangunkan kerangka metodologi peribumi dalam kajian antropologi pada zaman kontemporer amat menarik dan mempunyai makna penting bagi pembangunan dan kemajuan ilmu sosial pada zaman kini di Malaysia.

Daripada buku ini kita mendapat gambaran bahawa isu utama yang dihadapi kaum peribumi kini ialah perluasan kapitalisme dengan sistem pasaran bebas serta kolusi pemerintah dengannya. Bagaimanakah kita memandang gerak kuasa yang berkembang di mana-mana sehingga ke pedalaman dan hutan belantara ini? Daripada perspektif kajian peribumi, dalam konteks Sarawak, perluasan kapitalisme dan pasaran bebas mendobrak sistem masyarakat lama bagi mengejar keuntungan di mana-mana dan pemerintah bersekongkol dengannya, bahkan turut mengungkapkan mantra pasaran itu sendiri atas nama pembangunan. Hal ini ternyata daripada tindakan pemerintah yang menganjurkan agenda pembangunan serta ideologi *developmentalism* dalam kerangka modenisasi, yakni untuk maju, kaum peribumi mesti menerima program dan strategi perubahan yang ditetapkan oleh pemerintah dan pasaran. Inilah kononnya misi "mentamadunkan masyarakat pinggiran" atau *civilising the margin* seperti yang diungkapkan dalam buku ini. Atas nama pembangunan, hutan rimba diceroboh, kayu kayannya ditebang dan dibawa keluar secara rakus untuk "memakmurkan ekonomi." Namun demikian, mereka masih menafikan bahawa kerosakan yang mereka bawa atas nama pembangunan itu memberi kesan kepada kampung halaman dan tempat mata pencarian kaum peribumi itu sendiri. Jelas sekali pendekatan sebegini mencetuskan konflik, bahkan bentrokan. Dan tidak hairanlah kaum Penan menolak pembangunan sebegini, lantas mereka mendirikan *blockade* atau sekatan untuk membela kehidupan mereka. Praktis sebegini, yakni mendirikan *blockade* untuk membela hak dianggap oleh para penyumbang buku ini sebagai satu "wadah penyertaan politik kaum Penan" yang penting sekali.

Buku ini juga turut membicarakan kaum peribumi sebagai komuniti adat yang menganggap tanah sebagai segala-galanya bagi kehidupan mereka. Memang benar bagi kaum peribumi, tanah bererti kehidupan, ia bererti tempat bersemadanya sejarah dan roh nenek moyang, tempat yang menjadi arena mata pencarian serta wadah bagi terbinanya identiti atau jati diri mereka. Pelbagai ritual dalam adat resam mereka berkembang berdasarkan hubungan dengan tanah dan hutan rimba. Sebaliknya, pihak luar khususnya kaum pemodal dan juga pemerintah berlainan sekali perspektifnya; mereka melihat tanah sebagai komoditi, sebagai sesuatu yang boleh dan akan mendatangkan keuntungan. Hal ini merupakan dua perspektif yang berbeza dan jelas bertentangan. Perspektif pihak luar jelas mencabar hak kehidupan dan kepemilikan peribumi sedangkan

kaum peribumi berusaha memperjuangkan hak itu. Seperti dinyatakan dalam Bab 11 buku ini yang ditulis oleh Ezra Uda mengenai perspektif peribumi terhadap hutan rimba dan tanah bahawa sebagai kaum yang nomadik "pemilikan tanah kaum Penan, secara tradisinya bukanlah pemberian daripada mana-mana pihak berkuasa...Mereka bukan pendatang baru yang mahu mewujudkan tanah adat di situ; sebaliknya hak adat mereka telah sedia ada diamalkan sejak sekian lama, cuma undang-undang tidak mengesahkannya" (hlm 111).

Dalam bab yang sama, Ezra cuba menjawab tuduhan yang kaum Penan menolak pembangunan. Menurut penulis kaum Penan ini, sebenarnya Penan tidak menolak pembangunan. Apa yang menjadi pertikaian ialah konsep dan makna pembangunan itu. Kaum Penan mahu "pembangunan yang tulen," dan bagi mereka, pembalakan bukanlah pembangunan. Tegas Ezra lagi, "Bagi masyarakat peribumi seperti kaum Penan, pembangunan tulen hanya dinikmati apabila mereka masih berkuasa untuk mengawal tanah dan pembangunan yang dijalankan di atas tanah tersebut. Suara mereka dalam membuat keputusan untuk masa depan harus diambil kira; pendapat mereka harus mendapat perhatian daripada pihak berkuasa demi menjamin perjalanan pembangunan yang lancar dan menepati keperluan mereka" (hlm 127). Jelas di sini, daripada perspektif kaum Penan, mereka mahu sesuatu yang boleh memperkasakan diri dan kaum mereka, mereka mahu pihak lain menghormati hak dan kepentingan mereka, bukan sebaliknya.

Perspektif sebegini dibangkitkan juga oleh seorang lagi pengarang Penan, Anderias Jimmy Mageri dalam Bab 2. Menurut beliau, "Kalau kita mencintai Sarawak, Malaysia, mengapa kita memusnahkan [hutan]" (hlm 14). Dia juga menyokong pandangan bahawa kaum Penan "bukan anti-pembangunan tetapi dia berteriak kepada manusia yang lain di dunia supaya mereka tahu dia ada hak berdiri di dunia ini..." (hlm 22). Menurut beliau lagi "Kuasa pembangunan atau kemajuan itu menghabiskan semua sumber asli yang istimewa di bumi ini" (hlm 23). Anderias seterusnya menegaskan bahawa "kaum Penan tidak sanggup menerima kemajuan dari pembangunan pembalakan yang memusnahkan kayu, meruntuhkan tanah, mengotori sungai, merosak tempat binatang hidup, dan membunuh manusia yang masih muda" (hlm 22). Perkembangan-perkembangan yang memusnahkan kehidupan kaum Penan inilah menyebabkan kaum Penan menjadi skeptis apabila disebut pembangunan dan kemajuan, dan agenda menjadi masyarakat maju. Sikap skeptis ini disimpulkan oleh Anderias seperti berikut: "Dunia moden ini penuh dengan penipu yang berilmu tinggi," serta "manusia tamak [dan] angkuh" (hlm 23).

Banyak lagi perkara yang dapat dihayati daripada buku ini mengenai perspektif peribumi terhadap pembangunan yang boleh dimanfaatkan dalam pembinaan teori dan metodologi peribumi bagi projek penyelidikan seperti ini. Secara keseluruhannya, nilai buku ini boleh dilihat daripada apresiasi Professor Hans-Dieter Evers, seorang tokoh sosiologi antarabangsa yang tersohor, yang dinyatakan pada kulit belakang buku, bahawa ini adalah "sebuah buku yang amat

luar biasa dan menakjubkan, diperkenalkan dengan penuh berhemah oleh editornya, disusuli dengan suara asli pengarang kaum Penan."

Saya berpendapat naratif yang dikemukakan dalam buku ini selain merupakan satu sumbangan penting kepada ilmu antropologi, juga merupakan satu sumbangan bernilai kepada khazanah ilmu sejarah rakyat, iaitu satu perspektif sejarah yang sedang dikembangkan dan berkembang di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Perspektif ini menegaskan bahawa sejarah bukanlah hanya naratif dominan sang penguasa, tetapi ia naratif rakyat itu sendiri termasuk mereka di pinggiran, yang mengukirnya dengan segala penderitaan dan perjuangannya. Sekiranya ada sesuatu yang perlu ditambah kepada buku ini ialah ketiadaan bahagian yang memberikan *overview* tentang masyarakat Penan di Sarawak dari segi sejarah dan demografinya. Misalnya, buku ini boleh mengemukakan maklumat asas jumlah kaum Penan dan kedudukan mereka dalam kalangan keseluruhan kaum peribumi di Sarawak yang pelbagai itu. Dengan berbuat demikian pembaca akan dapat lebih memahami bahawa kaum Penan adalah golongan minoriti peribumi, antara kaum yang paling terpinggir di Sarawak khususnya dan Malaysia umumnya. Walau apapun, kehadiran buku ini patut dialu-alukan dan dijadikan bahan rujukan bukan sahaja penyelidik, pelajar dan masyarakat umum tetapi juga pembuat dan pelaksana dasar serta badan-badan yang memperjuangkan kepentingan kaum peribumi.

RUJUKAN

Smith, L. T. 1999. *Decolonizing methodologies: Research and indigenous peoples*. London: Zed Books.

Abdul Rahman Embong
Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
Universiti Kebangsaan Malaysia
rahmanhe@ukm.my